

Sumbangan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Terhadap Perkembangan Linguistik Arab

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 52-63
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 August 2023
Accepted: 19 August 2023
Published: 10 September 2023

[Contributions of al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Toward The Development of Arabic Linguistics]

Amin Al-Hadi Ab Hadi*¹, Firuz-akhtar Lubis ^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: P124727@siswa.ukm.edu.my; firuz@ukm.edu.my

*Corresponding Author: firuz@ukm.edu.my

Abstrak

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi merupakan seorang cendekiawan Arab yang terkemuka pada abad ke-8 Masihi. Beliau telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menerajui bidang linguistik Arab. Kajian ini mewacanakan sumbangan al-Farahidi dalam tiga cabang disiplin ilmu dalam linguistik Arab, iaitu ilmu nahu, leksikografi dan fonetik Arab, serta membincangkan impaknya terhadap perkembangan bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur bagi mengumpul maklumat mengenai sumbangan al-Khalil dalam bidang linguistik Arab daripada kajian-kajian lepas yang relevan. Kajian ini memberikan sekilas pandangan terhadap sumbangan al-Khalil yang tidak ternilai kepada linguistik Arab, serta merupakan sebuah pengiktirafan terhadap keserjanaan beliau yang luar biasa sebagai seorang cendekiawan Arab dan Islam yang tersohor sepanjang zaman. Kajian ini juga diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang sumbangan al-Khalil dalam linguistik Arab terutamanya kepada para pelajar dan mereka yang berminat untuk menambahkan ilmu pengetahuan mengenai tokoh-tokoh ulama' yang agung dalam sejarah ketamadunan Arab dan Islam.

Kata kunci: Sumbangan, al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi, linguistik Arab.

Abstract

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi was an eminent Arab scholar during the Golden Age of Islam in the 8th century AD, who played a crucial part in developing Arabic linguistics. This study discusses al-Farahidi's contributions in Arabic grammar, lexicography and phonetics, as well as the impact of his contributions on the development of the Arabic language. This qualitative study gathers information on al-Khalil's contribution by carrying out a literature review on relevant past studies. This study provides an insight towards al-Khalil's invaluable contributions to Arabic linguistics, as well as a recognition of his extraordinary scholarship and erudition as a renowned Arab and Islamic scholar throughout the ages. This study will hopefully help students and those interested in learning more on eminent scholars in the history of Arabic dan Islamic civilizations understand the vital contributions of al-Khalil in the field of Arabic linguistics.

Keywords: Contribution, al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi, Arabic linguistics

Cite This Article:

Amin Al-Hadi Ab Hadi & Firuz-akhtar Lubis. (2023). Sumbangan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Terhadap Perkembangan Linguistik Arab [Contributions of al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Toward The Development of Arabic Linguistics]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 52-63.

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan antara bahasa tertua di dunia. Ia dikatakan telah muncul semenjak abad ke-8 Sebelum Masihi lagi di Semenanjung Arab (UNESCO, t.t.). Walaupun manifestasi awal bahasa Arab bermula sejak abad ke-8 Sebelum Masihi, bahasa itu telah dikembangkan dan diperhalusi dalam tempoh yang agak lama. Sebilangan besar perkembangan ini berlaku antara abad ke-3 dan ke-6 Masihi, dengan penambahan lanjut dibuat pada tulisan Arab pada abad ke-7 Masihi apabila tanda sampingan ditambahkan pada huruf untuk mengelakkan kekaburan dalam membaca teks Arab (UNESCO, t.t.). Perkembangan bahasa Arab berkait rapat dengan perkembangan Islam yang berlaku sejak abad ke-6 Masihi dengan penurunan al-Quran dalam bahasa Arab. Perkembangan tamadun Islam di Timur Tengah telah membawa kepada kemunculan para ulama' yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu-ilmu bahasa Arab bagi menghindarkan kesalahan dalam membaca dan mentafsir isi kandungan kitab suci al-Quran. Antara cendekiawan agung yang memberikan begitu banyak sumbangan dalam mengembangkan ilmu-ilmu bahasa Arab tersebut ialah Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi yang lahir pada (718M–786/791M) (Sibawayh, 1988; Casey-Vine, 1995).

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi merupakan tokoh ilmuwan yang tersohor dalam sejarah Arab dan Islam. Beliau dikenali dengan kecerdasan yang luar biasa sehingga beliau mampu menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuklah nahu Arab, fonetik, sastera, ilmu hadith, matematik, astronomi, muzik, kriptologi dan sebagainya (Ryding, 1998; Bernards, 2011; Alkiyumi, 2023). Beliau telah membesar dan menetap di kota Basrah, Iraq yang merupakan pusat keintelektualan Arab dan Islam pada abad ke-8 Masihi. Al-Khalil juga merupakan antara pelopor aliran Basrah yang merupakan aliran pertama yang muncul dalam ilmu nahu Arab sebelum terbentuknya aliran-aliran dalam ilmu tersebut seperti Aliran Kufah, Aliran Baghdad, Aliran Mesir dan sebagainya. Walaupun al-Khalil menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan, pencapaian beliau yang paling menonjol ialah dalam bidang linguistik Arab. Dalam kajian ini, sumbangan al-Khalil terhadap perkembangan linguistik Arab akan dibincangkan dan dianalisis melalui tiga skop disiplin ilmu, iaitu tatabahasa, fonologi dan leksikografi Arab.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metodologi tinjauan kepustakaan bagi mengumpul maklumat mengenai riwayat hidup al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi serta sumbangan beliau dalam linguistik Arab berdasarkan sumber-sumber dan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Kajian ini kemudiannya membahagikan sumbangan al-Khalil terhadap perkembangan linguistik Arab kepada tiga bahagian, iaitu sumbangan beliau dalam tatabahasa, fonologi dan leksikografi Arab.

Latar belakang

Nama sebenar beliau ialah al-Khalīl ibn Aḥmad ibn ‘Amr ibn Tamīm (al-Suyūṭī, 1979). Beliau digelar Abū ‘Abd al-Raḥmān dan berasal daripada kabilah al-Yamāniyyah, Bani al-Azd. Menurut Alkiyumi (2023), al-Azd merupakan sebuah kabilah Arab yang berhijrah dari Yaman setelah keruntuhan empangan Ma’rib dan menetap di Oman. Sebahagian sejarawan berpendapat bahawa beliau berketurunan daripada al-Farāhīd ibn Mālik ibn Fahm, manakala sebahagian yang lain berpandangan bahawa beliau berketurunan daripada Furhūd ibn Shabābah ibn Mālik ibn Fahm. Walau bagaimanapun, kedua-dua salasilah tersebut membawa kepada nisbah al-Farāhīdī. Beliau dilahirkan di Oman pada 100 H, tetapi tidak tinggal lama di situ kerana beliau berhijrah dan menetap di Basrah. Atas sebab yang demikian, beliau lebih dikenali dengan nisbah al-Baṣrī (Kamarul, 2017).

Al-Khalil menetap di Basrah seumur hidup beliau disebabkan kekayaan khazanah ilmu pengetahuan dan keintelektualan yang terdapat di kota tersebut. Kota Basrah ketika itu dianggap sebagai destinasi yang ideal bagi mereka yang ingin menceburi bidang sains, linguistik dan ilmu-ilmu Islam. Hal yang demikian telah menarik minat orang bukan Arab untuk berkunjung bagi menjalankan aktiviti ekonomi dan pendidikan. Kewujudan masyarakat bukan Arab di kota ini telah membawa kepada kemasukan pelbagai bentuk pemikiran, budaya, gaya hidup dan kepercayaan yang berbeza. Hal yang demikian telah memupuk pemikiran inkuisitif dalam kalangan warga pelajar dan sarjana di Basrah sehingga melahirkan ramai cendekiawan tersohor yang mempunyai pemikiran saintifik berasaskan eksperimen dan penelitian yang mendalam (Alkiyumi, 2023).

Al-Khalil terkenal dengan perwatakannya yang zuhud, warak dan merendah diri. Menurut al-Anbārī (1985), beliau pernah dikunjungi oleh utusan gabenor Sulaiman ibn ‘Ali yang memberikan pelbagai bentuk tawaran termasuklah pangkat dan jawatan. Beliau lalu mengeluarkan roti kering lalu berkata kepada utusan berkenaan, “Silalah tuan makan. Saya tidak memiliki apa-apa melainkan ini sahaja. Selagi mana saya dapat memilikinya, saya tidak memerlukan apa-apa daripada tuan gabenor”. Beliau hidup dalam keadaan yang serba sederhana, bahkan tidak salah jika dianggap beliau hidup dalam keadaan papa kedana, sedangkan anak-anak murid beliau bersenang-lenang dengan ilmu yang ditimba daripada beliau (al-Anbārī, 1985).

Selain itu, al-Khalil turut dikenali dengan pemikirannya yang tajam dan akal yang cerdas, serta dianggap orang yang paling cerdas pada zamannya (Abū al-Ṭayyib al-Lughawī, 1974). Diriwayatkan bahawa al-Khalil pernah berdiskusi dengan Ibn al-Muqaffa’ sepanjang malam, kemudian beliau dikunjungi oleh seorang lelaki yang bertanya kepada beliau mengenai pandangan beliau tentang Ibn al-Muqaffa’. Al-Khalil lalu menjawab: “Saya melihat ilmunya lebih banyak daripada akalunya”. Lelaki tersebut kemudiannya melontarkan soalan kepada Ibn al-Muqaffa’ mengenai pendapat beliau tentang al-Khalil, lalu beliau menjawab: “Saya melihat akalunya lebih banyak daripada ilmunya” (‘Ukāwī, 1993).

Keagungan al-Khalil dibuktikan dengan sanjungan oleh para ulama’ yang terdahulu dan ahli linguistik pada zaman moden. Sebahagian ulama’ seperti al-Sīrāfi (1966) menyebut bahawa beliau telah menghafal separuh daripada bahasa Arab, dan sebahagian yang lain menyatakan bahawa beliau telah menghafal satu pertiga daripada bahasa Arab (al-Ḥamawī,

1993). Sara (2013) menyatakan bahawa al-Khalil merupakan seorang genius yang telah mencipta pelbagai metodologi untuk mengkaji struktur bahasa Arab, manakala Selheim (2022) pula menganggap beliau sebagai bapa filologi Arab. Al-Anbārī (1985) menyebut bahawa beliau merupakan seorang sasterawan Arab yang cukup agung, malahan beliau turut berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang lain seperti astronomi, matematik, fiqh, teori muzik dan ilmu hadith (Ryding, 1998; Bernards, 2011).

Antara guru beliau ialah 'Īsā ibn 'Umar al-Thaqafī, Abū 'Amr ibn al-'Alā', 'Abdullāh ibn Kathīr, 'Āṣim ibn al-Aḥwal ibn al-Naḍr, Ayyūb ibn Abī Tamīm al-Sakhtiyānī, 'Uthmān ibn Ḥādir al-Azdī dan lain-lain ('Ukāwī, 1993). Di samping itu, beliau juga telah melahirkan ramai pelajar dari kalangan ulama' yang berwibawa, seperti al- Aṣma'ī, al-Naḍr bin Shumayl, Mu'arrij al-Sadūsi, 'Alī ibn Naṣr al-Jahḍamī, 'Uyaynah ibn 'Abd al-Rahmān al-Mahlabī, al-Kisā'ī, Yahyā ibn al-Mubārak al-Yazīdī, dan tokoh agung yang bakal menjadi pelapis beliau dalam ilmu tatabahasa Arab, Sībawayh (Kamarul, 2017).

Terdapat persepakatan dalam kalangan sarjana bahawa al-Khalil telah kembali ke rahmatullah di kota Basrah, akan tetapi mereka berselisih pendapat tentang tahun kewafatan beliau. Pendapat yang paling kuat mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 175 H iaitu bersamaan 790 M (al-Ḥamawī, 1993). Diriwayatkan bahawa al-Khalil pada suatu hari sedang sibuk mencipta kaedah matematik bagi mengelakkan seorang perempuan daripada menjadi mangsa penipuan dalam perniagaan. Dalam riwayat lain pula, diceritakan bahawa al-Khalil sibuk memikirkan cara untuk menulis syair beliau. Ketika beliau ingin memasuki masjid, beliau dilanggar oleh seorang perempuan lalu meninggal dunia (al-Qiftī, 1986).

Sumbangan dalam tatabahasa Arab

Nama al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi sememangnya tidak asing dalam dunia tatabahasa Arab. Beliau telah memberikan pelbagai sumbangan yang tidak ternilai dalam mengembangkan ilmu nahu Arab. Beliau merupakan antara tokoh peneraju Aliran Basrah dalam ilmu nahu, di samping ilmuwan agung yang lain seperti Abū al-Aswad al-Du'alī, 'Abdullah ibn Abī Ishāq al-Ḥaḍramī dan Sībawayh (Kamarul, 2017). Sebahagian sarjana seperti Brockelmann (1993) menganggap al-Khalil sebagai pengasas sebenar ilmu nahu Arab, dan ini disokong oleh al-Rājiḥī (1980) yang mengatakan bahawa al-Khalil merupakan ilmuwan pertama yang meletakkan asas ilmu nahu Arab secara formal.

Al-Khalil merupakan ilmuwan pertama yang mendefinisikan pelbagai terminologi dan peraturan sintaksis Arab seperti *muḥtada'* dan *khavar* (subjek dan predikat), *nā'ib fā'il* (naib pelaku), *istithnā* (pengecualian), *idāfah* (frasa tambahan), *ta'ajjub* (kata takjub), sifat (adjektif), *istifham* (kata tanya), *mufrad* (kata tunggal), *muthannā* (kata duaan) dan *jam'* (kata majmuk) (Basindi, 2006). Beliau juga telah merumuskan kaedah *kāna* dan *inna wa akhawātuhā* (kata tugas *kāna* dan *inna*), *al-af'āl al-lāzimah wa al-muta'addiyah* (kata kerja tak transitif dan transitif), *tamyīz* (huraian akusatif), *tawābi'* (perkataan yang mengikut kasus sintaksis perkataan sebelumnya), *nidā'* (panggilan), *al-mamnū' min al-ṣarf* (perkataan yang tidak boleh diinfleksikan), *maqṣūr* (kata yang berakhir dengan *alif maqṣūrah*), *mamdūd* (perkataan yang mempunyai huruf mad) dan *mahmūz* (perkataan yang mempunyai huruf hamzah), *mabnī* (perkataan yang tidak berubah baris belakang) dan *mu'rab* (perkataan yang boleh berubah baris

belakang) serta pelbagai kaedah nahu yang lain (Dayf, 1968). Selain itu, Al-Khalil juga telah merintis istilah yang berkaitan dengan *i'rab* (infleksi) seperti *raf'* (nominatif), *naṣb* (akusatif), *khaf'* (genitif) dan *jazm* (subjunktif), selain istilah *dammah* (baris depan), *fatḥah* (baris atas) dan *kasrah* (baris bawah) bagi baris huruf (Noor & Miolo, 2019). Walaupun al-Khalil bukanlah orang pertama yang mencipta ilmu nahu kerana terdapat ulama' lain yang terdahulu sebelum beliau seperti Abū al-Aswad al-Du'alī, 'Abd al-Rahmān ibn Hurmuz dan Naṣr ibn 'Āsim, beliau telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam meletakkan asas ilmu nahu secara formal selain mengembangkan ilmu nahu Arab (Noor & Miolo, 2019).

Al-Khalil juga telah memperkukuh metodologi Aliran Basrah dengan memperkuat prinsip *al-samā'* (mendengar) dan *al-qiyās* (analogi) menerusi kegiatan penyelidikan serta kekuatan logik dan hujah akal (al-Ḥalwānī, 1979). Al-Khalil juga pernah meluangkan masa di kawasan pedalaman orang Arab Badwi seperti di kawasan al-Ḥijāz, Najd dan Tihāmah bagi mengumpul dan mendokumentasikan ungkapan orang Arab. Antara kabilah Arab yang menjadi sumber ambilan tatabahasa Arab beliau ialah Abū Mahdiyyah, Abū Tufaylah, Abū al-Bayda', Abū Kayrah, Abū Mālik dan Abū Duqaysh. Kitab al-'Ayn yang dikarang oleh beliau turut menukilkan dialek al-Yamān, Tamīm, Ṭay', 'Uqayl dan Azd (Kamarul, 2017). Selain mengambil ungkapan kabilah Arab, al-Khalil juga menjadikan qiraat al-Quran sebagai sandaran dalam tatabahasa Arab, malahan ada kalanya beliau turut berhujah dengan qiraat *shādhah* (شاذ) (ganjil) (al-Ḥalwānī, 1979). Pendekatan al-Khalil dalam menjadikan qiraat al-Quran sebagai dalil nahu turut diikuti oleh anak murid beliau, iaitu Sibawayh, sebagaimana yang dapat diperhatikan pada *al-Kitāb* karya Sibawayh (Kamarul, 2017).

Kewibawaan manhaj al-Khalil dalam ilmu nahu dapat dilihat pada penggunaan elemen *al-qiyās* yang banyak menggunakan hujah akal dalam membina asas tatabahasa Arab. Penggunaan elemen *al-qiyās* ini turut menjadi ikutan ulama' nahu seperti Sibawayh, al-Mubarrid, ibn al-Sirāj, al-Zajjājī, al-Anbārī dan Ibn Ya'īsh (Kamarul, 2017). Selain itu, kepintaran al-Khalil juga dapat dilihat pada penggunaan elemen *al-'ilal* (analisis sintaksis) di mana beliau bukan sahaja menyatakan hukum tatabahasa, tetapi juga memperincikan sebab dan hujah bagi hukum tatabahasa tersebut (al-Ḥalwānī, 1979). Tamsilnya, kaedah nahu menyatakan bahawa hanya kata nama *mu'rab* (yang boleh berubah baris belakang) sahaja yang boleh di-*taṣghīr*-kan (dikecilkan), umpamanya *qalam* menjadi *qulaym*. Al-Khalil menerangkan bahawa 'illah atau justifikasi pengecilan kata nama bertitik tolak daripada ciri kata nama yang harus disifatkan dengan sesuatu yang "membesar dan meninggikan" atau "mengecil dan merendahkan", seterusnya membawa konotasi pujian atau penghinaan. Manakala kata kerja tidak boleh di-*taṣghīr*-kan disebabkan ia tidak memiliki sifat-sifat berkenaan, kecuali *fi'l al-ta'ajjub* (kata kerja takjub) seperti ما أميحه yang boleh membawa konotasi pujian (Kamarul, 2017).

Para sejarawan seperti Ibn Khallikān dan Ibn al-Nadīm menyebut bahawa al-Khalil telah mengarang pelbagai kitab dalam ilmu nahu seperti *al-'Awāmil*, *al-Shawāhid*, *al-Jumal*, *Ma'ānī al-Ḥurūf*, *al-Naqt wal al-Shakl* dan sebagainya ('Ukāwī, 1993). Sesetengah karya beliau seperti *al-Shawāhid* telah pun luput ditelan zaman dan tidak sampai kepada kita (Kamarul, 2017). Namun begitu, segelintir sarjana meragui penisbahan karya-karya tersebut kepada al-Khalil dan berpandangan bahawa beliau tidak pernah menghasilkan mana-mana karya tersebut. Mukram (1993) berpendapat bahawa penulisan kitab-kitab tersebut oleh al-Khalil merupakan andaian para pengkaji semata-mata. Al-Ḥamawī (1993) pula berpendirian

bahawa *al-Jumal* bukan hasil karya al-Khalil, manakala al-Qiftī (1986) pula berpandangan bahawa al-Khalil tidak pernah menulis kitab *al-Shawāhid*. Menurut al-Ḥalwānī (1979), tidak terdapat mana-mana kitab nahu yang dikarang pada zaman Sibawayh atau selepasnya yang memetik kata-kata al-Khalil beserta judul kitab yang ditulisnya. Kamarul (2017) pula berpendirian bahawa kata-kata al-Khalil dalam kitab Sibawayh hanyalah perbualan antara mereka berdua sebagai syeikh dan anak murid, dan bukannya pandangan al-Khalil yang dinukilkan daripada kitab tertentu. Menurut al-Zubaydī (2009), diriwayatkan bahawa Sibawayh pernah berkata kepada bapa Naṣr ibn ‘Alī al-Jahḍamī ketika beliau hendak menulis kitabnya: “Ayuh kita hidupkan ilmu al-Khalil”. Kamarul (2017) mengulas bahawa Sibawayh tentu tidak akan berkata sedemikian sekiranya al-Khalil pernah menghasilkan kitab-kitab tersebut dalam ilmu nahu. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa al-Khalil telah memberikan banyak sumbangan yang tidak ternilai dalam mengembangkan ilmu nahu.

Menurut Alkiyumi (2023), kaedah dan peraturan tatabahasa yang diasaskan oleh ulama’ Basrah telah diadaptasikan oleh ahli linguistik Barat ke dalam bahasa lain, termasuklah bahasa Inggeris. Sebagai contoh, Chomsky, yang merupakan sarjana terkemuka dalam linguistik moden, cuba menerapkan beberapa peraturan tersebut ke dalam sistem tatabahasa Inggeris, namun peraturan-peraturan tersebut menjadi terlalu kompleks dan rumit. Malahan, idea-idea linguistik yang dikemukakan oleh Chomsky dianggap berasal usul dan bertitik tolak daripada inovasi tatabahasa oleh al-Khalil (Abdul-Raheem, 2018).


Sumbangan dalam fonologi Arab

Al-Khalil juga seorang tokoh cendekiawan yang telah memberikan banyak sumbangan dalam bidang fonologi Arab atau *‘ilm al-ṣawtiyyāt*. Beliau merupakan ilmuwan pertama yang mempelopori bidang fonologi Arab, serta merupakan sarjana pertama yang mengkaji bidang fonologi sebagai sebuah disiplin ilmu yang berasingan (Alkiyumi, 2023). Para cendekiawan seperti Sibawayh, Ibn Jinni, Ibn Duraid dan al-Razi hanya melakukan penambahbaikan yang sedikit terhadap ilmu fonologi yang diasaskan oleh al-Khalil (Alhamed, 2004; Bishr, 2000; Emhammed, 2017; Zakiya, 2012). Ilmu fonologi Arab juga telah diasaskan oleh al-Khalil melalui kaedah yang digunakan oleh beliau dalam pembinaan kamus *al-‘Ain* (Mustafawi, 2019). Metodologi yang julung kali diasaskan oleh al-Khalil dalam pembinaan kamusnya berperanan sebagai landasan fonemik yang membolehkan al-Khalil mencipta sebuah kamus yang disusun berdasarkan logik linguistik (Sara, 2013).

Al-Khalil menyebut bahawa abjad Arab terdiri daripada 29 huruf; 25 daripadanya adalah *sahih* (konsonan) dan selebihnya huruf *jawf* (rongga) yang merupakan huruf vokal iaitu *alif*, *waw* dan *ya*. Beliau juga telah mengesahkan bahawa huruf ‘*ain* berasal daripada tempat yang paling dalam pada kerongkong, dan mendapati terdapat persamaan antara huruf ‘*ain* dan *ha*’ (هـ) dari sudut *makhraj* atau tempat keluar huruf memandangkan kedua-duanya menghasilkan bunyi yang ‘serak’, serta mendapati bahawa huruf (ح) dan (هـ) merupakan huruf *hams* (senyap) disebabkan bunyinya yang seakan-akan berbisik (Bishr, 2000). Al-Khalil berpendirian bahawa sesetengah huruf tidak boleh digandingkan bersama dalam sesuatu kalimah disebabkan kedua-duanya terletak berhampiran dari sudut *makhraj* huruf, seperti (ع) dan (ح), (ح) dan (هـ), (ع) dan (غ), (ق) dan (ك), dan sebagainya (Mohammed & Salem, 2019).

Sementara itu, terdapat huruf-huruf seperti *qaf* dan *'ain* yang amat serasi dan dapat menghasilkan bunyi yang sedap didengari apabila digandingkan bersama (Alkiyumi, 2023).

Daripada 29 abjad dalam bahasa Arab, al-Khalil telah membahagikan huruf-huruf tersebut kepada sembilan kelompok berdasarkan *makhraj* huruf, iaitu *ḥalq* (halkum), *lahāh* (anak tekak), *shajr* (lelangit), *niṭ'* (bahagian antara lelangit dan gigi), *asalah* (bahagian hujung dan tepi lidah), *lithah* (gusi) *dhalq* (hujung lidah), *shafah* (bibir) dan *hawā'* (rongga). Rajah berikut menunjukkan keratan rentas organ fonetik manusia berserta label bagi sembilan *makhraj* huruf menurut al-Khalil:



Rajah 1: Kedudukan sembilan *makhraj* huruf menurut al-Khalil (Pengkaji, 2023)

Selain itu, al-Khalil juga telah memperkenalkan pelbagai istilah fonetik seperti *al-idghām* (asimilasi), *al-makhārij* (tempat keluar huruf), *al-mawāḍi'* (tempat artikulasi huruf), *al-ḥayyiz* (lokasi), *al-tafkhīm* (penekanan), *al-ghunnah* (dengung), *al-iṭbāq* (pelekatan), *al-līn* (kelembutan) dan sebagainya (Alkiyumi, 2023; Mohammed & Salem, 2019). Di samping itu, al-Khalil turut memperkenalkan istilah-istilah fonologi yang berkaitan dengan sifat huruf yang berlawanan seperti *al-jahr* (kuat) dan *al-hams* (perlahan), *al-isti'lā* (tinggi) dan *al-istifāl* (rendah), *al-dhalāqah* (kelancaran) dan *al-muṣmatah* (penyekatan), dan sebagainya (Rahmawati & Zidni, 2021). Istilah-istilah yang diperkenalkan oleh al-Khalil menjadi asas fonologi Arab dan digunakan dalam ilmu tajwid al-Quran bagi memastikan pembaca al-Quran membaca al-Quran dengan sebutan yang tepat.

Selain itu, al-Khalil juga merupakan salah seorang daripada beberapa tokoh cendekiawan terdahulu yang memberikan sumbangan yang signifikan dalam ilmu fonologi secara amnya dalam sejarah ketamadunan manusia (Alkiyumi, 2023). Tokoh yang pertama dalam bidang ini ialah Panini yang berasal dari India, di mana beliau telah memperkenalkan beberapa peraturan dan kaedah fonologi bahasa Sanskrit (Belvins, 2004). Menurut Firth (1948), ilmu fonologi telah diasaskan dan dikembangkan oleh dua bahasa yang luhur, iaitu bahasa Arab dan bahasa Sanskrit. Anderson (2021) pula menyebut bahawa tidak ada sesiapa pun yang mendahului bangsa Eropah dalam kajian fonetik melainkan dua bangsa, iaitu bangsa Arab dan bangsa India. Melihat kepada sumbangan al-Khalil terhadap perkembangan fonologi Arab,

dapat disimpulkan bahawa al-Khalil bukan sahaja seorang tokoh linguistik Arab yang masyhur, bahkan beliau juga seorang tokoh yang ulung bagi bidang linguistik itu sendiri.

Sumbangan dalam leksikografi Arab

Al-Khalil bin Ahmad juga telah memberikan sumbangan yang amat signifikan dalam bidang leksikografi atau perkamusan Arab. Beliau telah mencipta kamus yang pertama dalam sejarah bahasa Arab yang dikenali sebagai kitab *al-‘Ain* (Kamarul, 2017). Kitab tersebut dinamakan sebagai *al-‘Ain* kerana ia dimulakan dengan huruf *‘ain* yang merupakan huruf yang paling dalam di kerongkong dari segi *makhraj* dalam bahasa Arab (al-Bātilī, 1992). Sebahagian sarjana dan pengkaji meragui sama ada kitab *al-‘Ain* benar-benar ditulis oleh al-Khalil (al-Azhari, 2001; al-Zubaydi, 2009). Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada ulama’ menegaskan bahawa kitab *al-‘Ain* merupakan hasil karya al-Khalil (al-Ḥamawī, 1938; al-Qiftī, 1986; al-Mubarrid, 1979; al-Sīrāfi 1966; Ibn al-Mu‘tazz, 1976; Ibn Duraid, 1987; Ibn Nabātah, 1964). Malahan, sarjana dan pengkaji kontemporari turut bersetuju dengan mereka bahawa kitab *al-‘Ain* disandarkan kepada al-Khalil (Bartold, 2013; Haywood, 1960; Jamiu, 2014; Khan, 1973; al-Makhzumi, 1989; Sara, 2013; al-Nasrawi, 2014; Alkiyumi, 2023).

Menurut Sara (2013), kitab *al-‘Ain* karangan al-Khalil merupakan kamus pertama yang merangkumi kesemua perbendaharaan kata bahasa Arab dengan segala bentuk kerumitannya. Susunan abjad yang konvensional bagi bahasa Arab bermula dengan huruf *alif*. Namun begitu, al-Khalil tidak memulakan kamusnya dengan huruf *alif* kerana *alif* merupakan huruf yang lemah. Sebaliknya, al-Khalil telah memperkenalkan satu sistem penyusunan abjad berdasarkan *makhraj* atau tempat keluar huruf. Pada peringkat awal, beliau mengklasifikasikan abjad Arab kepada dua, iaitu huruf “kuat” (konsonan) dan huruf “lemah” (vokal). Pembahagian ini kemudiannya membolehkan al-Khalil untuk mengelaskan huruf mengikut *makhraj* masing-masing yang bermula daripada kerongkong dan berakhir dengan bibir dan rongga. Berikut susunan 29 abjad Arab menurut al-Khalil dalam kamusnya:

ع ح ه خ غ ق ك ج ش ض ص س ز ط ت د ظ ذ ث ر ل ن ف ب م و ي أ

Rajah 2: Susunan abjad al-Khalil (al-Bātilī, 1992)

Berdasarkan susunan di atas, dapat diperhatikan bahawa al-Khalil mendahulukan huruf yang bermula daripada huruf di hujung kerongkong iaitu huruf *‘ain*, sehinggalah huruf yang berakhir di bibir iaitu *ba’*, diikuti dengan huruf vokal iaitu huruf-huruf yang keluar daripada rongga, iaitu huruf *alif*, *waw* dan *ya’*.

Selain itu, Al-Khalil juga telah mempelopori sistem penyusunan kamus yang berasaskan pembalikan atau penyusunan semula huruf-huruf dalam sesuatu kata dasar. Sistem atau metodologi ini dikenali sebagai *taqlībāt* (al-Bātilī, 1992). Metodologi ini membolehkan al-Khalil untuk menyenaraikan kesemua susunan huruf bagi sesuatu kata dasar. Contohnya seperti berikut:

ضرب - ضرب - رضى - رضى - برض - بضر

Rajah 3: Perkataan-perkataan dasar yang boleh terhasil daripada pembalikan huruf (ض), (ر) dan (ب) (Widayat, 2019)

Dalam ilmu matematik moden, kaedah pembalikan atau penyusunan semula ini dikenali sebagai permutasi (*permutation*), iaitu kaedah pengiraan matematik bagi menentukan bilangan cara set tertentu boleh disusun (Britannica, t.t.). Berdasarkan kaedah ini, kata dasar yang mempunyai tiga huruf seperti فتح akan mempunyai sebanyak enam dasar yang terbentuk daripada permutasi huruf. Kata dasar yang mempunyai empat huruf seperti بعث pula akan mempunyai sebanyak 24 kata dasar yang terhasil, manakala kata dasar yang mempunyai lima huruf seperti شمردل akan mempunyai sebanyak 120 jumlah kata dasar yang terbentuk hasil permutasi huruf (al-Bātilī, 1992).

Pendekatan inovatif yang digunakan oleh al-Khalil dalam membina kamus *al-‘Ain* membolehkan al-Khalil untuk mengenal pasti kesemua perkataan yang boleh terhasil daripada kata akar dalam bahasa Arab, termasuklah perkataan yang tidak diguna pakai disebabkan ia tidak membawa apa-apa makna (Alkiyumi, 2023). Pendekatan ini menunjukkan bahawa al-Khalil bukan sahaja merupakan seorang pakar morfologi, bahkan beliau seorang genius matematik. Tambahan pula, pendekatan ini merupakan sebuah kaedah saintifik yang juga dikenali sebagai pendekatan deskriptif analitikal, dan menjadi ikutan sebilangan sarjana bahasa Arab termasuklah al-Mubarrid, Sibawayh dan Ibn Jinni (Abul-Enein, 2013). Sistem penyusunan kamus yang dipelopori oleh al-Khalil ini kemudiannya menjadi ikutan sebahagian ahli leksikologi Arab seperti al-Qālī al-Baghdādī (m. 356H) dan al-Azhārī (m. 370) (al-Bātilī, 1992).

Kesimpulan

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi merupakan antara ulama’ teragung dalam sejarah tamadun Arab dan Islam yang telah memberikan begitu banyak sumbangan dalam mengembangkan disiplin-disiplin ilmu bahasa Arab. Sumbangan beliau dapat dilihat dengan jelas pada usaha-usaha beliau dalam mengembangkan linguistik bahasa Arab, khususnya tatabahasa, fonologi dan leksikografi Arab. Dalam bidang tatabahasa Arab, beliau telah mengkaji secara formal serta mendefinisikan pelbagai peraturan dan kaedah nahu Arab, selain memantapkan metodologi yang telah diasaskan oleh ulama’ nahu Aliran Basrah. Dalam ilmu fonetik Arab pula, beliau memainkan peranan yang amat penting sebagai pelopor dalam kajian huruf-huruf Arab dari sudut *makhraj* (tempat keluar huruf) dan sifat-sifat huruf. Kebitaraan beliau dalam mengkaji ilmu fonetik Arab membolehkan beliau untuk membina kamus pertama dalam sejarah bahasa Arab, iaitu kitab *al-‘Ain* yang merupakan sebuah kamus yang tidak disusun sebagaimana susunan abjad Arab yang konvensional, sebaliknya berdasarkan *makhraj* dan permutasi huruf. Hal yang demikian sekali gus menjadikan al-Khalil sebagai bapa leksikografi Arab.

Al-Khalil juga telah memainkan peranan yang signifikan dalam melahirkan generasi ulama berikutnya yang bakal meneruskan usaha-usaha dalam mengembangkan linguistik Arab seperti Sibawayh yang merupakan tokoh agung dalam tatabahasa Arab, malahan sesetengah

pengkaji berpandangan bahawa beliau turut memberikan impak terhadap perkembangan linguistik pada zaman moden, terutamanya dalam bidang sintaksis dan fonologi. Konklusinya, kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit pencerahan tentang sumbangan yang diberikan oleh al-Khalil dalam mengembangkan linguistik Arab. Diharapkan juga agar penyelidikan dijalankan pada masa akan datang bagi mengkaji impak keserjanaan al-Khalil terhadap linguistik moden, selain sumbangan beliau dalam bidang lain seperti kesusasteraan Arab.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), kod geran penyelidikan: FRGS/1/2022/SSI10/UKM/03/1.

Rujukan

- Abdul-Raheem, N. (2018). The historical Arabic roots of Chomskyan TGG theory: A psycholinguistic perspective. *International Journal of Language Academy*, 2(6), 553-557.
- Abū al-Ṭayyib al-Lughawī, ‘Abd al-Wahīd ibn ‘Alī. (1974). *Marātib al-Nahwiyyīn wa al-Lughawīyyīn*. Kaherah: Maktabah Nahḍah.
- Abul-Enein, H. (2013). The interplay of phonological and morphological levels in the works of Alkhalil; Sibawayh, Abi Ali Alfarisiy, Almubarad and Ibn Ginni: The presence of lexical phonological elements. *Journal of Education*, 19(2), 1–29.
- al-Anbārī, Abū al-Barakāt ‘Abd al-Rahmān. (1985). *Nuzhah al-Alibbā’ fī Ṭabaqāt al-Udabā’*. Edisi ke-3. Zarqa: Maktabah al-Manār.
- Anderson, R. (2021). A Short History of Phonology in America. Dlm S. Moradi (Ed.), *All things Morphology: Its Independence and Its Interfaces*.
- al-Azhari, Muhammad bin Ahmad. (2001). *Tahdhīb al-Lughah*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-Arabī.
- Bartold, F. (2013). *Tārīkh al-Ḥaḍārah al-Islamiyyah*. Terjemahan Hamzah Tahir. Cetakan pertama. Giza: Ein for Human and Social Studies.
- Basindi, K. (2006). al-Muṣṭalaḥ al-naḥwī fī kitāb al-Ayn. Dlm S. A. Khodr & M. Aldrobi. (Eds.), *Alkhalil bin Ahmad Alfarahidi [symposium]*. Jāmi‘at al-Bayt, Jordan. Dar al-Ma‘rifah.
- al-Bātilī, Ahmad. (1992). *al-Ma ājim al-lughawīyyah wa ṭuruq tartībihā*. Riyadh: Dār al-Ru’yah.
- Belvins, J. (2004). *Evolutionary Phonology: The emergence of sound patterns*. Cambridge University Press.
- Bernards, M. (2011). Pioneers of Arabic Linguistic Studies. Dlm Bilal Orfali (peny.), *In the Shadow of Arabic: The Centrality of Language to Arabic Culture* (hlm. 213). Leiden: Brill Publishers.
- Bishr, K. (2000). *Ilm al-aṣwāt*. Dār Gharīb.
- Britannica, T. Editors of Encyclopaedia (t.t.). Permutations and combinations. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/science/permutation>. Diakses pada 3 Julai

2023.

- Brockelmann, C. (1993). *Tārīkh al-Adab al-‘Arabī*. Dār al-Ma‘ārif.
- Casey-Vine, P. (1995). *Oman in History*. London: Immel Publishing.
- Ḍayf, Shawqī. (1968). *al-Madāris al-naḥwiyyah*. Cetakan ke-7. Dar al-Ma‘rifah.
- Did you know?: The Evolution of the Arabic language in the Silk Roads*. (t.t.). UNESCO. <https://en.unesco.org/silkroad/content/did-you-know-evolution-arabic-language-silk-roads>. Dicapai pada 13 Julai 2023.
- Emhammed, F. (2017). Ishāmāt al-‘ulamā al-‘arab fī ‘ilm al-aṣwāt. *Ḥawliyyāt Jāmi‘at al-Jazā‘ir*, 1(31), 349–361.
- Firth, J. R. (1948). Sounds and prosodies. *Transactions of the Philological Society*, 47, 127–152.
- al-Ḥalwānī, Muḥammad Khayr. (1979). *Al-Mufaṣṣal fī Tārīkh al-Naḥw al-‘Arabī*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- al-Ḥamawī, Yāqūt ibn ‘Abdillāh. (1993). *Mu‘jam al-Udabā’*. Edisi pertama. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Hamed, G. Q. (2004). *al-Madkhal ilā ‘ilm aṣwāt al-lughah al-‘Arabiyyah*. Dar Ammār.
- Haywood, J. (1960). *Arabic lexicography, its history, and its place in the general history of lexicography*. Brill Archive.
- Ibn al-Mu‘tazz, Abdullah bin Muhammad. (1976). *Ṭabaqāt al-Shu‘arā*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Ibn Duraid, Muhammad ibn al-Hasan. (1987). *Jamharah al-Lughah*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Ibn Nabātah, Jamāl al-Dīn. (1964). *Sarḥ al-‘Uyūn fī sharḥ risālah Ibn Zaydūn*. Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Jamiu, F. (2014). Science of Arabic lexicography: A survey of its emergence and evolution. *Journal of Education and Practice*, 5(14), 60–66.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2017). *Perkembangan Awal Nahu Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, D. (1973). *The codebreakers: The story of secret writing*. New American library.
- Al-Kiyumi, M. (2023). The creative linguistic achievements of Alkhalil bin Ahmed Al-Farahidi, and motives behind his creations: A case study. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 1-19.
- al-Makhzumi, M. (1989). *al-Farāhīdī: Abqarī min al-Baṣrah*. Iraq: Wizārah al-Thaqāfah wa
- Mohammed, A. K., Salem, S. H. (2019). Some of the phonetic efforts of al-Khaleel bin Ahmed al-Farahidi (died 170 A.H.) in the place and manner of articulation of sounds. *Journal of Language Studies*. 2(4), 196-215.
- Mukram, ‘Abd al-‘Āl Sālim. 1993. *Al-Ḥalaqah al-Mafqūdah fī Tārīkh al-Naḥw al-‘Arabī*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Mustafawi, E. (2019). Arabic Phonology. Dlm E. Benmamoun & R. Bassiouney (Eds.), *The Routledge Handbook of Arabic Linguistics* (hlm. 1–33). Routledge and CRC press.
- al-Mubarrid al-I‘lām., Muhammad bin Yazid (1997). *al-Kāmil fī al-Lughah wa al-Adab*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- al-Nasrawi, A. (2014). al-Manhaj al-riyāḍī fī al-dars al-mu‘jamī ‘ind al-Farāhīdī. *Dawah*, 1(3), 75–101.

- Noor, D. D., Miolo, M. I. (2019). Kontribusi Al-Khalil bin Ahmad Al-Farahidi dalam ilmu-ilmu bahasa Arab. *Al-Lisan*, 4(2), 148-160.
- al-Qiftī, ‘Alī bin Yūsuf. (1986). *Inbāh al-Ruwāh ‘alā Anbāh al-Nuḥāh*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Rahmawati, F. A., Zidni, S. I. (2021). al-Aṣwāt ind al-Khalīl ibn Aḥmad al-Farāhīdī. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 2(2), 56-66.
- al-Rājihī, ‘Abduh. (1980). *Durūs fī al-madhāhib al-naḥwiyyah*. Beirut: Dār al-Naḥḍah al-‘Arabiyyah.
- Ryding, K. (1998). *Introduction to Early Medieval Arabic: Studies on Al-Khalīl Ibn Ahmad*. Washington, D.C.: Georgetown University Press.
- Sara, S. (2013). The classical Arabic lexicographical tradition. Dlm J. Owen (Peny.), *The Oxford Handbook of Arabic Linguistics* (hlm. 429–442). Oxford University Press.
- Sellheim, R. (2022). Al-Khalil bin Ahmad. Dlm B. T. Bianquis, C. E. Bosworth, E. V. Donzel, & W. P. Heinrich (Peny.). *Encyclopedia of Islam* (Ed. Ke-2).
- Sibawayh, ‘Amr ibn ‘Uthman. (1988), Hārūn, ‘Abd al-Salām Muḥammad (ed.), *al-Kitāb*. Jilid 1. Cetakan ketiga. Kaherah: Maktabat al-Khānjī.
- al-Sīrāfī, Abū Sa‘īd al-Ḥasan. (1966). *Akhbār al-Naḥwiyyīn al-Baṣriyyīn*. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- ‘Ukāwī, Riḥāb Khiḍr. (1993). *Mawsū‘ah ‘Abāqirah al-Islām*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Widayat, P. A. (2019). Kitābu al-‘Ain: Metode penggunaan dan pengaruhnya dalam perkembangan kosakata bahasa Arab. *Al-Fathin*, 2(1), 95-110.
- Zakiya, Y. (2012). al-Ḥurūf wa al-aṣwāt al-‘Arabiyyah bayn nazrat al-quḍāmā wa al-muḥdathīn. *Majallat al-Dirāsāt al-Lughawiyyah*, 16, 101–118.
- al-Zubaydī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. (2009). *Ṭabaqāt al-naḥwiyyīn wa al-lughawiyyīn*. Beirut: al-Ma‘ārif.